



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053


E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

SIARAN MEDIA (Diembargo sehingga Sabtu, 10 April, 4 petang)

ANUGERAH PERSURATAN 2020/2021

PENGIFTIRAFAN UNGGUL BAGI 5 PENULIS MELAYU SINGAPURA;

HAMED ISMAIL MENERIMA ANUGERAH TUN SERI LANANG



SINGAPURA, 6 April 2021 – Lima orang penulis ulung Melayu Singapura diiktiraf dalam Majlis Anugerah Persuratan (AP) ke-14 yang akan diadakan pada Sabtu, 10 April 2021. **Encik Hamed Ismail** dinobatkan sebagai penerima Anugerah Tun Seri Lanang untuk edisi AP 2020/2021. Beliau juga merupakan sasterawan persuratan yang paling mapan untuk menerima anugerah tersebut. Berusia 73 tahun, beliau telah berkecimpung dalam bidang penulisan selama lebih 30 tahun, dan karya beliau termasuk drama pentas, puisi



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

dan cerpen. Encik Hamed merupakan mantan penyelia kanan skrip sewaktu berkhidmat di TV Eaglevision, Mediacorp.

Sementara itu, **Allahyarham Zaidy Nandir** yang dikenali ramai sebagai seorang aktivis seni, penggubah lagu dan penulis lirik yang prolifik, dipilih menjadi penerima Anumerta Tun Seri Lanang tahun ini. Beliau ialah penerima termuda Anugerah itu sejauh ini. Allahyarham juga telah menerima banyak anugerah untuk lagu dan lirik terbaik dalam pertandingan-pertandingan Dikir Barat tempatan. Allahyarham berpulang pada tahun 2018 sewaktu berusia 45 tahun.

Kemenangan besar bagi seorang lagi tokoh persuratan mapan, **Encik Jamal Ismail**, yang memenangi Hadiah Persuratan untuk dua kategori, Cerpen dan Novel bagi karyanya *GOD(A)* dan *Tunjuk Langit*. Pada 2016, 32 tahun selepas buku terbitan beliau yang terakhir, Jamal kembali dengan *Yang Kekucingan*, sebuah koleksi 20 buah cerpen berbentuk *surreal* dan tidak masuk akal. Beliau kemudian menghasilkan *GOD(A)* pada 2018 dan *Tunjuk Langit* pada 2019. Hal ini merupakan pencapaian yang sangat membanggakan bagi seorang penulis yang kembali muncul pada 2016, setelah berehat daripada dunia penerbitan sejak 1984.

Dua pemenang Hadiah Persuratan lain yang juga diiktiraf untuk edisi AP 2020/2021 ialah **Encik Farihan Bahron** bagi karyanya *Tukang Tunjuk Telunjuk* untuk kategori Sajak, dan **Cik Rilla Melati** bagi karyanya *Si Pencuri Ketawa – Kisah Di Dalam Taman Di Persisiran* untuk kategori Sastera Kanak-kanak.

Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS), Profesor Madya Muhammad Faishal Ibrahim, mengatakan:

"Pengiktirafan penting untuk terus membakar semangat penulis-penulis watan. Kecemerlangan yang dipaparkan oleh penerima Anugerah Persuratan boleh dijadikan sebagai penanda aras bagi penulis-penulis lain khususnya bagi penulis-penulis muda



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

yang ingin berkecimpung dalam bidang persuratan. Kepakaran penerima anugerah ini juga boleh dimanfaatkan untuk terus menyemarakkan bidang persuratan setempat.”

Cikgu Suratman Markasan, penerima Anugerah Tun Seri Lanang (1999) pula menambah:

“Penerima Anugerah Persuratan elok merasakan bahawa dirinya istimewa kerana dinobatkan sebagai penulis yang ulung. Di samping itu, dia harus terus mencari nilai-nilai baharu untuk tetap istimewa. Mereka yang tidak dinobatkan harus menilai kelemahan mereka dan menggantikannya dengan yang luar biasa. Usaha akan menuju kejayaan.”

Bermula sejak 1993, acara dwitahunan ini merupakan usaha berterusan MBMS untuk mengiktiraf para penulis tempatan dalam bidang persuratan Melayu. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan penerbitan karya bermutu, serta memasyarakatkan bidang persuratan. Anugerah Persuratan 2020/2021 dianjurkan oleh MBMS dan diuruskan Majlis Buku Singapura (SBC), dengan sokongan daripada Majlis Seni Kebangsaan (NAC), Lembaga Warisan Kebangsaan (NHB) dan Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY).

Majlis diserikan oleh tetamu terhormat Encik Edwin Tong, Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia merangkap Menteri Kedua Undang-undang.

Butiran majlis penganugerahan adalah seperti yang berikut:

Hari/Tarikh: Sabtu, 10 April 2021

Masa: 3:00ptg – 4:00ptg

Tempat: River Room @ Muzium Tamadun Asia (Asian Civilisation Museum)

Oleh kerana sekatan Covid-19, majlis ini adalah melalui undangan sahaja dan terhad kepada 50 tetamu.

Berikut ialah senarai anugerah yang akan diberikan semasa majlis Augerah Persuratan 2020/2021.

**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (Malay Language Council, Singapore)**

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

No.	Anugerah	Penerima Anugerah
1.	Anugerah Tun Seri Lanang	Hamed Ismail
2.	Anumerta Tun Seri Lanang	Almarhum Zaidy Nandir

No.	Kategori Hadiah Persuratan	Penerima Anugerah	Judul Buku
1.	Cerpen	Jamal Ismail	<i>GOD(A)</i>
2.	Novel	Jamal Ismail	<i>Tunjuk Langit</i>
3.	Sajak	Farihan Bahron	<i>Tukang Tunjuk Telunjuk</i>
4.	Sastera Kanak-kanak	Rilla Melati Bahri	<i>Si Pencuri Ketawa – Kisah Di Dalam Taman Di Persisiran</i>

*Sila lihat **Lampiran A** untuk maklumat lanjut mengenai barisan penerima anugerah dan karya mereka.*

Panggilan terbuka bagi penyertaan karya dibuka pada 17 September sehingga 12 November 2020. AP 2020/2021 menerima sebanyak 66 penyertaan karya dalam bentuk buku kumpulan dan antologi untuk enam kategori, naik 50 peratus berbanding edisi yang lalu pada tahun 2017. Panggilan terbuka juga menerima pencalonan bagi Anugerah Tun Seri Lanang, Anumerta Tun Seri Lanang dan Anugerah Harapan.

Penilaian karya bagi Hadiah Persuratan AP 2020/2021 pada dasarnya ditujukan pada karya asli yang berbahasa Melayu. Buku berkenaan dihasilkan oleh warganegara atau penduduk tetap Singapura yang diterbitkan pada tahun 2017, 2018 atau 2019, sama ada di Singapura atau di luar negara. Buku berkenaan juga harus memiliki izin terbit ISBN untuk menentukan kesahihannya.

*Sila lihat **Lampiran B** untuk maklumat lanjut mengenai anugerah yang diberikan.*



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

TERIMA KASIH

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Puan Siti Fazila Ahmad

Setiausaha, Majlis Bahasa Melayu Singapura

Hp: 96881942

E-mel: Siti_Fazila_Ahmad@moe.gov.sg

Puan Azizah Zakaria

Timbalan Setiausaha, Majlis Bahasa Melayu Singapura

Hp: 94248514

E-mel: azizah_zakaria@rp.edu.sg

Cik Shafienas Salleh

Urus setia, Majlis Buku Singapura

Talian: 63425125

E-mel: shafienas@bookcouncil.sg

Dianjurkan oleh: Diuruskan oleh: Disokong oleh:




**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (Malay Language Council, Singapore)**

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125**LAMPIRAN A****PENERIMA ANUGERAH TUN SERI LANANG DAN ANUMERTA TUN SERI LANANG**

No.	Penerima Anugerah	Latar ringkas
1.	 Hamed Ismail Anugerah Tun Seri Lanang	Hamed Ismail merupakan mantan Penyelia Kanan Skrip TV Eaglevision, Mediavision. Beliau masih berkhidmat selaku Penasihat Skrip Drama TV. Beliau telah menghasilkan skrip drama radio, drama pentas, dan puluhan skrip drama TV serta menulis puisi, cerpen dan esei. Kumpulan puisi beliau yang berjudul <i>Suara Dalam</i> terpilih dalam senarai pendek untuk Hadiah Sastera Singapura (2014). Novel beliau berjudul <i>Bunga Tanjong</i> telah memenangi Hadiah Merit, Hadiah Sastera Singapura (2018). Antologi puisi <i>Tafsiran Tiga Alam</i> bersama Samsudin Said dan Hartinah Ahmad telah memenangi Hadiah Persuratan (2017) dan Hadiah Sastera Singapura (2016). Beliau juga telah memenangi Hadiah Pena Emas (puisi dan cerpen) dan Hadiah Persuratan (untuk skrip teater, skrip drama televisyen dan cerpen).
2.	 Almarhum Zaidy Nandir Anumerta Tun Seri Lanang	Almarhum Zaidy Nandir ialah seorang insan yang berbakat dalam bidang muzik dan penulisan lirik. Sebagai seorang guru Bahasa Melayu yang berdedikasi, Almarhum mencurahkan tenaga mendidik anak muridnya. Kesungguhan dan bakatnya terserlah dalam bidang Dikir Barat yang mana Almarhum telah pun menghasilkan lebih 200 naskhah, membimbing para pendikir setempat dan menjadi inspirasi buat semua. Selain itu, Almarhum juga aktif dalam kegiatan pengakap. Ramai yang masih mengingati dan merindui beliau sebagai seorang insan yang baik hati, cerdik, jujur, pemurah dan tidak lokek ilmu. Antara pencapaian Almarhum termasuk:



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2020/2021


d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

		<ul style="list-style-type: none">• Tempat Ketiga, Anugerah, sebuah pertandingan menulis lagu anjuran Suria, Mediacorp, 2004• Juara, Lirik Terbaik, Mega Perdana, anjuran Persekutuan Dikir Barat Singapura (GABUNGAN), 2006 dan 2010• Juara, Singa Raya, sebuah pertandingan lagu Hari Raya, anjuran Esplanade, 2007• Tempat Ketiga, pertandingan lagu anjuran stesen radio Ria 89.7 FM, 2008.
--	--	--

SENARAI PENERIMA HADIAH SASTERA

No.	Butiran Lanjut	Gambar
1.	<p>Nama: Jamal Ismail Latar Ringkas: Jamal Ismail, meneroka pelbagai genre penulisan, termasuk teater, radio dan skrip TV, puisi, eseи, cerita pendek dan novel. Dilahirkan pada tahun 1952, Jamal memenangi banyak anugerah, termasuk Anugerah Loheh-Nur untuk Dokumentari Islam bagi Terbaik dari Tamadun Islam (1997) dari Republik Islam Iran, Hadiah Sastera untuk cerpen <i>Yang, Hadiah Sastera (Kepujian)</i> untuk <i>Di Sebalik Fatamorgana</i> dan <i>Hikayat Hang Kulup</i>, serta Anugerah Buku Kebangsaan dari Majlis Pembangunan Buku Kebangsaan Singapura (NBDCS) untuk novel <i>Songsang</i>.</p> <p>Kategori: Cerpen Tajuk: GOD(A) Penerbit: Unggun Creative, 2018</p> <p>Sinopsis: <i>GOD(A)</i>, kumpulan 10 buah cerpen yang pasti akan menggoda pembaca dengan cerita-cerita kehidupan luar biasa watak-watak istimewa diraih dari pengalaman penulis yang cekap menganyam realisma magis ke dalam kisah-kisah biasa. Seorang</p>	 




MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

	<p>penjaga masjid telah diamanahkan untuk memastikan bahawa kolam wuduk masjid tidak disalahguna sebagai tempat mandi awam. Seorang lelaki remaja, teruja untuk perjalanan ke Ipoh, menyertai Peraduan Tilawah Al-Quran pada tahun 1965, terpaksa menerima hakikat mengapa perjalannya terpaksa dibatalkan. Ujian seorang pemimpin agama yang dituduh mencetak wang palsu oleh seorang pegawai muda British. Cerita-cerita ini dan lain-lain, yang ditulis oleh seorang mantan pengarah dan penerbit televisyen adalah isu-isu asas lagi penting menyentuh kehidupan orang-orang Islam/Muslim mengenai keyakinan dan keabdian mereka kepada Tuhan.</p>
2.	<p>Nama: Jamal Ismail Latar Ringkas: Jamal Ismail, meneroka pelbagai genre penulisan, termasuk teater, radio dan skrip TV, puisi, eseи, cerita pendek dan novel. Dilahirkan pada tahun 1952, Jamal memenangi banyak anugerah, termasuk Anugerah Loheh-Nur untuk Dokumentari Islam bagi Terbaik dari Tamadun Islam (1997) dari Republik Islam Iran, Hadiah Sastera untuk cerpen <i>Yang</i>, Hadiah Sastera (Kepujian) untuk <i>Di Sebalik Fatamorgana</i> dan <i>Hikayat Hang Kulup</i> serta Anugerah Buku Kebangsaan dari Majlis Pembangunan Buku Kebangsaan Singapura (NBDCS) untuk novel <i>Songsang</i>.</p> <p>Kategori: Novel Tajuk: <i>Tunjuk Langit</i> Penerbit: Unggun Creative, 2019</p> <p>Sinopsis: Novel, <i>Tunjuk Langit</i>, menceritakan kisah sekumpulan warga emas berbilang bangsa yang hidup di usia lanjut mereka di sebuah rumah kebajikan, Tunjuk Langit. Nama itu sendiri</p>  



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

	<p>diilhamkan oleh satu siri pokok buah tunjuk langit, yang juga dikenali sebagai mahogany yang tumbuh di kawasan sekitar Choa Chu Kang. Walaupun rumah kebajikan ini adalah sebuah rekaan, namun ia mencerminkan realiti kehidupan yang mencabar, kadang-kadang lucu dan menyedihkan di kota Singapura. Apabila rumah kebajikan swasta ini terpaksa ditutup kerana kekurangan dana, beberapa orang penghuni istimewa lagi bijak yang merasa terhutang budi dengan kewujudannya, perlu mencari jalan untuk meneruskan operasinya dan memastikan rumah kebajikan itu tidak akan dirobohkan. Seorang watak istimewa, Habeb, terpaksa membuat aksi luar biasa, luar dari kotak fikiran lumrah untuk menarik perhatian dunia demi menyelamatkan rumah istimewa ini yang diamanahkan kepadanya oleh pemiliknya Jimmy, sahabatnya yang telah meninggal dunia.</p>
3.	<p>Nama: Farihan Bahron Latar Ringkas: Farihan Bahron, penerima Anugerah Harapan 2017 pernah memenangi beberapa sayembara termasuk Peraduan Asah Bakat 1998 (Hadiah Pertama - Puisi), Anugerah Pena Bakti 2000 (Hadiah Ketiga - Puisi), Anugerah Pena Emas 2003 (Hadiah Kedua - Puisi), Anugerah Pena Emas 2015 (Hadiah Pertama - Puisi dan Cerpen), Mencari Kristal 2016 (Hadiah Ketiga - Cerpen), Pertandingan Puisi Nasional 2017 (Merit) dan Sayembara Puisi Kata-Pilar 2020 (Hadiah Utama). <i>Tukang Tunjuk Telunjuk</i> memenangi Hadiah Sastera Singapura 2018 (puisi Melayu) sementara kumpulan cerpennya, <i>Kesumat Sang Avatar</i>, menerima Hadiah Kepujian (fiksyen Melayu). Farihan juga aktif dalam penulisan seni kata Dikir Barat di Singapura sejak 1996 dan telah 14 kali menerima piala 'Seni Kata Terbaik'.</p> 

**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (Malay Language Council, Singapore)**

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

	<p>Kategori: Sajak Tajuk: Tukang tunjuk Telunjuk Penerbit: Unggun Creative, 2017</p> <p>Sinopsis: Ditulis dari tahun 2000 hingga 2016, bait-bait kata dalam kumpulan puisi ini menyentuh pelbagai aspek kehidupan seorang anak muda yang mencari arah tuju, jati diri dan kompas moralnya. Koleksi 40 sajak ini diharap dapat menjernihkan pengertian tentang kehidupan di Kota Singa pada awal kurun ke-21. Sebilangan puisi dalam kumpulan <i>Tukang Tunjuk Telunjuk</i> telah memenangi berapa hadiah peraduan menulis puisi, termasuk Anugerah Pena Emas 2003 (Hadiah Kedua) dan Anugerah Pena Emas 2015 (Hadiah Pertama).</p>	
4.	<p>Nama: Rilla Melati Bahri Latar Ringkas: Rilla Melati membina kandungan kreatif untuk bilik darjah dan juga televisyen. Beliau ialah seorang pendidik, pengarang, pengusaha, penghibur dan perintis program penyampaian dan drama Melayu di sekolah-sekolah di Singapura. Sebagai pengasas Mini Monsters, beliau berharap untuk membangkitkan semula minat dalam bahasa Melayu melalui bengkel dan penerbitan karya dwibahasa.</p> <p>Kategori: Sastera Kanak-kanak Tajuk: Si Pencuri Ketawa – Kisah Di Dalam Taman Di Persisiran Penerbit: Mini Monsters, 2017</p> <p>Sinopsis: <i>Si Pencuri Ketawa - Kisah Di Dalam Taman Di Persisiran</i> adalah hasil tulisan Rilla Melati Bahri dan dilukis oleh Dionisius Kartalaksana. Buku yang sesuai untuk pembaca peringkat sekolah rendah ini menceritakan tentang makhluk-makhluk comel yang</p>	



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

	<p>hanya setinggi tiga biji jambu bertingkat yang gemar berkawan dan bermain dengan kanak-kanak.</p>	
--	--	--

**MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (Malay Language Council, Singapore)**

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125**LAMPIRAN B****Hadiah Persuratan**

Hadiah Persuratan yang bernilai \$3,000 wang tunai, beserta trofi dan sijil pencapaian diperuntukkan bagi setiap penerima. Satu Hadiah Persuratan akan diberikan bagi setiap kategori:

Kategori	Nota
Cerpen	
Drama (untuk Pentas)	<i>Tiada penerima bagi AP 2020/21</i>
Esei / Kajian Sastera	<i>Tiada penerima bagi AP 2020/21</i>
Novel	
Sajak	
Sastera Kanak-Kanak	

*Kategori eceran digugurkan bermula pada tahun 2020.

Anugerah Tun Seri Lanang / *Anumerta Tun Seri Lanang

Anugerah Tun Seri Lanang yang bernilai \$5,000 wang tunai beserta trofi dan sijil pencapaian diperuntukkan bagi seorang tokoh persuratan yang memiliki nilai unggul sebagai:

- i) tokoh seni yang ulung di mata masyarakat berbilang kaum dan budaya Singapura;
- ii) tokoh antarabangsa melalui pengiktirafan karya besar mereka;
- iii) pejuang seni dalam erti kata menggunakan sebahagian besar usia dan kehidupan mereka untuk menyubur dan menyemarakkan bidang yang dihayati; atau
- iv) penyumbang dan pemaju pemikiran masyarakat dalam konteks pembangunan melalui karya mereka (dalam bentuk kreatif atau nonkreatif); dan
- v) tokoh teladan yang menimba ilmu sepanjang hayat demi meningkatkan mutu karya dan ketukangannya dalam bidang persuratan.

* Anumerta Tun Seri Lanang yang bernilai \$2,000 beserta tropfi dan sijil pencapaian akan diberikan kepada keluarga tokoh.

Nota: Geran sejumlah \$5,000 diberikan kepada sesiapa yang bertaualih dan ingin mengkaji ketokohan, keiltizaman, sumbangan, pemikiran, dan alam penulisan tokoh yang terpilih.



MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125

Anugerah Harapan

Anugerah Harapan diperuntukkan untuk penulis di bawah usia 40 tahun yang menampakkan potensi dalam bidang persuratan sama ada:

- i) menjadi teraju utama kepada usaha-usaha menggerakkan bidang persuratan; baik cerpen, sajak, novel, drama, karya bukan sastera dan sebagainya;
- ii) menggunakan masa untuk berkongsi ilmu dan kemahirannya dalam bidang persuratan kepada golongan muda atau pelajar; dan
- iii) menghasilkan karya yang memberikan isi dan nilai tambah dalam penulisan kreatif dan bukan kreatif sama ada dalam bentuk media bercetak atau elektronik untuk memajukan pemikiran masyarakat dalam konteks pembangunan negara.

Tiada penerima Anugerah Harapan bagi AP 2020/2021





MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA (*Malay Language Council, Singapore*)

Anugerah Persuratan 2020/2021

d/a Majlis Buku Singapura (*Singapore Book Council*)

Goodman Arts Centre, 90 Goodman Road, Blk E #03-32, Singapura 439053

E-mel: programmes@bookcouncil.sg Tel: 63425119 / 63425125